

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2020)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS
PADA HARI AHAD, 24 NOVEMBER 2019, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 1 (A72)

Minta dinyatakan bagaimanakah Kerajaan Negeri mahu mengintegrasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di dalam pelan pembangunan negeri terutama sekali Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030?

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 2 (A169)

Apakah strategi dan tindakan kerajaan negeri dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri berteraskan gagasan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di bandar dan luar bandar bagi memastikan kek ekonomi negeri dinikmati secara saksama oleh semua rakyat berbilang kaum dan tiada rakyat yang dipinggirkan?

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)

SOALAN 3 (A67)

Adakah Kerajaan Negeri akan mengikut langkah Kerajaan Persekutuan menurunkan harga hartanah jenis kondominium dan pangsapuri di kawasan bandar dari RM1 juta kepada RM600,000 bagi mengurangkan jumlah lambakan hartanah tidak terjual di Johor?

YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)

SOALAN 4 (A68)

Negeri Johor di lapor mempunyai rumah terbanyak belum dijual hasil ketidaksepadanan antara pendapatan dan harga rumah. Apakah langkah Kerajaan Negeri mengatasi masalah ini agar lebih ramai rakyat Johor mampu memiliki rumah sendiri, khususnya golongan B40 dan M40?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 5 (A101)

Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengurangkan jumlah 'hanged property' atau hartanah tidak terjual di Negeri Johor terutamanya di kawasan Johor Bahru?

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 6 (A110)

Minta nyatakan adakah kerajaan negeri akan mengikuti polisi pemilikan rumah warga asing seperti yang telah diumumkan oleh kerajaan persekutuan menerusi Belanjawan 2020.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 7 (A165)

Apakah polisi kerajaan negeri supaya penurunan had harga rumah untuk pembeli asing kepada RM600,000, bagaimana untuk memastikan ianya tidak menjejaskan peluang pembeli tempatan dalam pembelian rumah dan pinjaman rumah dalam sistem bank?

YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)
SOALAN 8 (A5)

Gejala eksploitasi kanak-kanak sebagai penjaja jalanan yang berkeliaran di tempat terbuka seperti di medan-medan niaga tanpa mengira masa semakin berleluasa dan membimbangkan, apakah pendekatan atau tindakan kerajaan bagi menangani isu ini?

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 9 (A128)

Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri Johor dalam memastikan rakyatnya mengamalkan gaya hidup sihat.

YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)
SOALAN 10 (A30)

YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi mengumumkan bahawa RM106 juta bagi membiayai 3 projek pembangunan di Muar iaitu pembangunan Pasar Pt. Jawa, pemecah ombak Seri Menanti Laut dan pembangunan infrastruktur Sekolah Kebangsaan Pt. Nawi. Mohon berikan pecahan peruntukan.

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 11 (A184)

Apakah perancangan kerajaan untuk memastikan Youth Hub Hutan Bandar dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk pembangunan belia pada masa hadapan?

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 12 (A131)

Apakah bidang dan bentuk pelaburan baru yang sedang dirancang atau dibuat bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri Johor.

YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)

SOALAN 13 (A82)

Berapakah kutipan duit zakat Johor 2018 dan 2019 dan bagaimanakah ia dibelanjakan?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 14 (A38)

Apakah peranan dan matlamat Majlis Rendah Karbon Negeri Johor yang ditubuhkan baru-baru ini?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 15 (A121)

Apakah status terkini "culvert" yang berada di bawah Tambak Johor untuk menjadi laluan air dari kedua-dua belah Tambak Johor ?

YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)

SOALAN 16 (A182)

Apakah asas penilaian yang digunakan oleh kerajaan negeri untuk menilai keberkesanan aktiviti-aktiviti perpaduan yang dijalankan oleh KRT di negeri Johor?

YB TUAN MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 17 (A213)

Saya dapati banyak program kebudayaan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor. Bagi memastikan kebudayaan negeri Johor terus berkembang apakah tindakan jangka panjang oleh kerajaan negeri?

YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)

SOALAN 18 (A79)

Sila nyatakan syarikat-syarikat pelabur asing yang telah dibuka di Johor setelah kerajaan PH memerintah?

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 19 (A150)

Berapakah peratus persediaan bagi sukan e-sport yang berlangsung dalam daerah Muar pada sukan SUKMA tahun 2020 serta penglibatan masyarakat setempat.

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 20 (A122)

Lebuhraya Utara Selatan (Plus) di kawasan Johor semakin sesak. Adakah Kerajaan Johor telah mengemukakan sebarang cadangan untuk pembesarannya?

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 21 (A54)

Apakah persediaan dan perancangan kerajaan bagi pelaksanaan cukai karbon (jika bersesuaian) atau sekurang-kurangnya persediaan untuk menjalankan perdagangan karbon (carbon trade)?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 22 (A86)

Senaraikan semua penerima bantuan kebajikan yang terkini di DUN Pasir Raja serta jenis dan jumlah amaun bantuan yang diterima oleh mereka melalui Skim Bantuan Zakat?

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 23 (A51)

Nyatakan harga pasaran sub-sale minimum, maksimum, median dan purata setiap kategori Rumah Mampu Biaya di setiap mukim negeri Johor bagi tahun 2010, 2015, 2019 dan unjuran untuk 2020.

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)
SOALAN 24 (A132)

Apakah galakan yang telah diberi kepada NGO, Badan Persatuan atau Pertubuhan dalam usaha menyemarakkan aktiviti mereka dalam kerja-kerja kesukarelawanan, kemasyarakatan atau keselamatan penduduk.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 25 (A8)

Mohon dinyatakan secara terperinci penerima insentif kursus perkahwinan percuma sejak diperkenalkan pada September 2018 sehingga kini.

YB TUAN GOPALAKRISHNAN SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 26 (A117)

Memandangkan perbelanjaan MPKK meningkat untuk memberi perkhidmatan seperti melawat orang sakit, orang meninggal, bencana alam sekitar dan sebagainya perlu diberi duit keceriaan sebanyak RM5,000 setahun. Apakah pihak berkuasa memandangkan perkara ini serius.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 27 (A18)

Apakah perancangan kerajaan bagi membantu pesawah Kampung Semaloi dan Kampung Air Papan dalam menangani masalah bekalan air yang kurang bagi tujuan penanaman padi?

YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 28 (A73)

Minta dinyatakan apakah inisiatif-inisiatif jangka sederhana dan jangka masa pendek di dalam Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 bagi menangani masalah kos sara hidup?

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 29 (A141)

Minta penjelasan kerajaan pusat yang telah membentangkan bajet tahunan negara 2020. Nyatakan jumlah peruntukan pembangunan yang bakal dinikmati oleh Johor dan perincian setiap projek mengikut daerah.

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 30 (A173)

Terdapat banyak kawasan berisiko untuk dilanda banjir. Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan mengatasi masalah ini dan berapa jumlah peruntukan dikhususkan bagi menghadapi bencana ini?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 31 (A10)

Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk meneruskan Tabung Kemahiran Latihan Johor yang pernah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri yang lepas untuk membantu warga Felda dan mohon dinyatakan tindakan dan perancangan seterusnya?

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 32 (A138)

Apakah usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan minat kepada bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) memandangkan peratusan murid bidang STEM di sekolah telah menurun ke 44% pada 2019 serta insentif-insentif menggalakkan penglibatan institusi-institusi pendidikan bagi memberi fokus kepada aliran STEM?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 33 (A104)

Setakat ini, berapa banyakkah SJKT telah menerima manfaat dari inisiatif menaik taraf sekolah yang telah diumumkan seperti di dalam Belanjawan Johor 2019 lalu?

**4. PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG
UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2020) TAHUN 2019**

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 25 November 2019, jam 9:30 pagi.